

WILL of GOD 316

Bagaimanakah saya boleh mengetahui kehendak Tuhan?

"Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna." Roma 12:2

Mengetahui dan melakukan kehendak Tuhan adalah sangat penting. Jadilah seperti Yesus. Dia mengatakan bahawa Dia datang ke dunia, *"bukanlah untuk melakukan kehendak-Ku sendiri tetapi kehendak Dia yang mengutus-Ku,"* Yohanes 6:38. Sebahagian besar daripada kehendak Tuhan berlaku kepada semua orang percaya dalam cara yang sama. Walau bagaimanapun, Tuhan mempunyai kehendak peribadi untuk orang-orang percaya yang dinyatakan secara berperingkat seiring dengan pertumbuhan anda dalam kesetiaan harian bersama-Nya. Anda boleh mengetahui kehendak Tuhan. Dia akan memberikan anda pemahaman. *"Percayalah kepada TUHAN dengan sepuh hatimu dan janganlah bersandar kepada pengertianmu sendiri. Ingatlah Dia dalam segala jalanmu, maka Dia akan meluruskan jalanmu."* Amsal 3:5-6. Anda mengetahui kehendak umum untuk semua orang percaya melalui Alkitab. Anda mengetahui kehendak khusus-Nya sebagai satu gabungan yang tidak bercanggah dengan firman-Nya dan kehidupan yang taat setia. Berdasarkan asas ketaatan itu, anda dapat menentukan dan mentaati kehendak-Nya untuk anda. Mintalah kepada Bapa. Dapatkan bimbingan dari firman-Nya, hikmat-Nya, umat-Nya, dan kedamaian-Nya. Apabila anda mengetahui kehendak-Nya, taatilah Dia.

KEHENDAK UMUM TUHAN. Sebahagian besar daripada kehendak umum Tuhan didapati dalam perintah, prinsip dan teladan Alkitab. Alkitab adalah sumber utama dalam mengetahui kehendak Tuhan untuk hidup anda. *"Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku."* Mazmur 119:105.

1. Perintah. Terdapat banyak perintah di dalam Alkitab untuk semua orang percaya seperti, *"Bersukacitalah sentiasa. Berdoalah sepanjang masa. Bersyukurlah dalam segala keadaan kerana inilah yang dikehendaki Allah daripadamu dalam Kristus Yesus?"* 1 Tesalonika 5:16-18. Dan *"Allah menghendakimu hidup suci dan menjauhkan diri daripada perbuatan cabul."* 1 Tesalonika 4:3. Yesus berkata, *"Jika kamu mengasihi-Ku, kamu akan mematuhi perintah-perintah-Ku."* Yohanes 14:15. Fahami konteks perintah-perintah tersebut. Tuhan menyuruh Nuh untuk membina sebuah bahtera, Kejadian 6:14. Tuhan tidak menyuruh anda melakukan perkara itu. Tuhan menyuruh Daud pergi ke Hebron, 2 Samuel 2:1. Tuhan tidak menyuruh anda melakukan perkara itu. Jangan ambil sesuatu perintah keluar daripada konteksnya.

2. Prinsip-prinsip. Terdapat prinsip-prinsip Alkitabiah yang boleh anda ikuti. Prinsip tentang seorang pengurus yang baik dalam Lukas 16:1-13. Kos pemuridan di bahagian akhir Lukas 14. Prinsip mencari orang yang hilang terdapat dalam tiga perumpamaan di Lukas 15. Ikuti prinsip ini dan prinsip-prinsip lain di dalam Alkitab.

3. Teladan-teladan. Perintah-perintah dan prinsip-prinsip Alkitab memberikan anda kehendak umum Tuhan untuk kehidupan anda. Alkitab mengandungi teladan-teladan yang boleh kita contohi. Contoh terbaik adalah kehidupan Yesus. Setelah membasuh kaki murid-murid, Yesus berkata, *"Aku telah memberi teladan kepada kamu semua. Lakukanlah apa yang telah Kulakukan untukmu."* Yohanes 13:15. Kita harus mengikuti teladan kerendahan hati-Nya, Filipi 2:3-5. Kita harus berjalan mengikuti jejak langkah-Nya. *"Justeru inilah kamu telah dipanggil, kerana Kristus juga menderita untuk kita, memberi kita teladan, supaya kita menurut jejak langkah-Nya."* 1 Petrus 2:21. *"Tetapi jika sesiapa taat akan firman Allah, maka sempurna lah kasih Allah di dalam orang itu. Dengan demikian kita ketahui kita ada di dalam Dia: Sesiapa berkata bahawa dia tetap di dalam Allah, hendaklah dia menurut jejak langkah Kristus."* 1 Yohanes 2:5-6.

Amaran. Tuhan tidak berbohong, Mazmur 119:160. Tuhan tidak akan memimpin anda, atau memberitahu anda untuk melanggar firman-Nya. Yesus memberi kita pemimpin-pemimpin untuk memperlengkapkan kita, Efesus 4:11-14. Walau bagaimanapun, terdapat banyak guru palsu, 2 Timotius 4:3-4. Jangan sesekali percaya bahawa Tuhan menyuruh anda untuk mengingkari firman-Nya. Tuhan tidak akan melakukan perkara sedemikian. Jika seorang pemimpin gereja menyuruh anda mengingkari Firman Tuhan, itu adalah pengajaran palsu.

KEHENDAK PERIBADI TUHAN. Tuhan mempunyai kehendak khusus untuk orang percaya, Mazmur 32:8, Amsal 3:5-6. Taatilah kehendak umum Tuhan. Dan, untuk mengetahui kehendak khusus Tuhan, mintalah kepada Tuhan dengan sungguh-sungguh untuk menyatakannya kepada anda. Carilah jawapan-Nya melalui firman-Nya, kebijaksanaan-Nya, umat-Nya dan kedamaian-Nya.

Meminta. Doakan doa Daud *“Ajarlah aku melakukan kehendak-Mu, kerana Engkaulah Allahku;”* Mazmur 143:10. Rasul Paulus berdoa agar orang-orang percaya di Kolose akan *“dipenuhi pengetahuan tentang kehendak-Nya dalam segala kebijaksanaan dan pengertian rohani.”* Kolose 1:9. Doa anda yang sungguh-sungguh untuk diri anda dan orang lain seharusnya adalah untuk mengetahui dan melakukan kehendak Tuhan.

Mendapatkan bimbingan. Tuhan menyatakan kehendak khusus-Nya melalui firman-Nya, kebijaksanaan-Nya, umat-Nya dan kedamaian-Nya. Mintalah kepada Tuhan untuk menyatakan kehendak-Nya kepadamu. Dia akan menjawab doa anda melalui:

1. Firman-Nya. Mengetahui kehendak khusus Tuhan adalah hasil dari pembelajaran Alkitab yang rutin. Kehendak Tuhan untuk anda akan menjadi jelas seiring dengan kebijaksanaan dan pemahaman yang anda peroleh daripada firman-Nya. Dia tidak akan memimpin anda untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan firman-Nya.

2. Kebijaksanaan-Nya. Kebijaksanaan Tuhan berasal dari kepatuhan rohani, 1 Korintus 2:14-15. *“Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna.”* Roman 12:2. Mintalah kebijaksanaan dari Tuhan, *“Sekiranya seseorang di antaramu kurang bijaksana, dia haruslah berdoa kepada Allah supaya mengurniakan kebijaksanaan kepadanya, kerana Allah memberi dengan murah hati kepada semua orang tanpa memandang kesalahan mereka.”* Yakobus 1:5.

3. Umat-Nya. Umat Tuhan adalah suatu sumber untuk memahami kehendak Tuhan. Mereka yang mengajar firman-Nya dengan tepat melalui ucapan atau penulisan dapat memberikan bantuan, Kolose 1:28. Adalah baik untuk mendapatkan nasihat dari orang percaya yang matang. Mempunyai lebih daripada seorang penasihat adalah idea yang bagus. *“Rancangan gagal kerana tidak ada nasihat, tetapi berhasil dengan ramai penasihat.”* Amsal 15:22. Orang percaya yang matang tidak terlepas daripada kesilapan, tetapi mereka dapat memberikan pandangan yang bermakna untuk membantu anda menentukan kehendak Tuhan.

4. Kedamaian-Nya. Kedamaian Tuhan adalah pengesahan terakhir akan kehendak-Nya yang khusus. *“Biarlah damai Kristus menguasai hatimu.”* Kolose 3:15. *“Dan sejahtera Allah yang melebihi pengertian manusia akan memelihara hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus.”* Filipi 4:7. Kedamaian ini merupakan satu rasa keyakinan mendalam tentang suatu keputusan susulan daripada doa, pembelajaran Alkitab, kebijaksanaan rohani, dan pandangan dari penasihat rohani yang matang. Carilah dan nantikanlah kedamaian-Nya.

Tindakan. Apabila anda bertanya sama ada sesuatu perkara itu adalah kehendak-Nya, jawapannya mungkin “tidak” seperti yang berlaku kepada Paulus, 2 Korintus 12:7-10. Ia juga mungkin “tunggu”. Jawapan “tunggu” daripada-Nya boleh membawa kepada berkat yang besar, Yesaya 40:31. Apabila jawapan Tuhan adalah “ya”, lakukanlah kehendak-Nya walaupun ia sukar, tidak popular, ataupun memerlukan pengorbanan yang besar. Kita seharusnya berasa gembira melakukan kehendak-Nya dengan segenap hati kita, Mazmur 40:8, Efesus 6:5-6. Berhati-hati terhadap jawapan-jawapan palsu yang disampaikan dalam nama kekristianan. Taatlah apabila anda yakin anda mengetahui kehendak Tuhan.

(Bagaimanakah saya boleh mengetahui kehendak Tuhan?) © 2026 oleh John D. Morris III diterbitkan oleh Acts One Eight. Anda bebas mencetak, menyalin, menyiarkan, menghantar e-mel atau mesej kandungan ini tanpa sebarang perubahan dengan menyertakan pernyataan penuh ini. Anda boleh menyertakan nama atau logo pelayan atau gereja anda di bahagian atas muka surat satu dan menyertakan maklumat hubungan anda di atas garisan di bahagian bawah muka surat dua. WillofGod316.org berdasarkan Alkitab sahaja. Ia wujud untuk membantu orang percaya untuk menemukan kehendak Tuhan. Anda boleh menghantar e-mel kepada Acts One Eight (sebaiknya dalam bahasa Inggeris): Hello@Mail316.org. Perkhidmatan terjemahan disediakan oleh www.ChristianLingua.com. *(Bagaimanakah saya boleh mengetahui kehendak Tuhan?)* boleh didapati dalam 48 bahasa secara percuma www.WillofGod316.org. Petikan-petikan dalam versi Bahasa Inggeris adalah daripada Alkitab New American Standard Bible 1995 oleh The Lockman Foundation. Petikan-petikan Alkitab dalam terjemahan ini adalah daripada: Alkitab Versi Borneo AVBTM. Hak cipta terpelihara © 2024 Borneo Sabda Limited.